

8 September 2018

KENYATAAN MEDIA

oleh YAB TUAN CHOW KON YEOW,
Ketua Menteri Pulau Pinang.

EMPANGAN MENGKUANG: PULAU PINANG MINTA BANTUAN KEMENTERIAN UNTUK PASTIKAN KESELAMATAN DAN KEFUNGSIAN

- **23 kawasan cerun rosak akibat tanah runtuh.**
- **Rumah Pam Mak Sulong belum diberi pentauliahan.**
- **Integriti struktur empangan tidak boleh dipastikan sehingga ia penuh.**

PULAU PINANG, Sabtu, 8/9/2018: Pulau Pinang memohon bantuan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) untuk mempercepatkan kerja-kerja yang akan memastikan keselamatan dan fungsi Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP).

Berikutan perubahan dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018, KATS telah mengambil alih tanggungjawab bekalan air daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Pada 7/8/2018, Setiausaha Kerajaan Negeri YB Dato' Seri Farizan bin Darus dan Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Dato' Ir. Jaseni Maidinsa mewakili Pulau Pinang dalam pertemuan dengan Menteri KATS YB Dr. Xavier Jayakumar di Kuala Lumpur.

Pada 4/9/2018, YB Dr. Xavier dan delegasi KATS bertemu dengan saya di pejabat saya di Komtar. Beliau turut melawat Empangan Mengkuang dan Rumah Pam Mak Sulong.

Pulau Pinang telah membentangkan isu-isu berikut kepada KATS:

- Kami ingin membuka semula Empangan Mengkuang kepada orang awam sebagai kawasan rekreasi yang mesra rakyat. Walau bagaimanapun, terdapat 23 tapak tanah runtuh di persekitaran empangan yang belum dibaiki.

- Air mentah perlu dipam dari Sungai Kulim untuk mengisi Empangan Mengkuang. Walau bagaimanapun, Rumah Pam Mak Sulong belum lagi berfungsi dan, oleh itu, belum ditauliahkan.
- Empangan Mengkuang telah diperbesarkan untuk menyimpan sehingga 73.5 bilion liter air. Walau bagaimanapun, integriti struktur empangan tidak dapat dipastikan sehingga ia dipenuhi dengan tahap maksimum 55 meter.

Skop MDEP merangkumi 3 fasa kerja, seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Fasa	Kos	Status
1	RM607J	Kerja-kerja pembinaan siap pada 10/4/2017. Tempoh liabiliti kecacatan sehingga 16/11/2019.
2A	RM63.5J	Kerja-kerja pembinaan siap pada 28/9/2017. Walau bagaimanapun, stesen pam ini belum diuji dan ditauliahkan lagi.
2B	RM100M (anggaran)	Belum selesai. Semasa mesyuarat pada 2/4/2018, bekas KeTTHA bersetuju untuk melaksanakan fasa ini. Dijangka siap: 2020.

Perlu diingat bahawa MDEP adalah projek Persekutuan yang dibiayai oleh geran Persekutuan. KeTTHA sebelum ini telah melaksanakan MDEP sesuai dengan perjanjian yang ditandatangani untuk membolehkan pelaksanaan Inisiatif Penstrukturan Semula Bekalan Air Nasional (NWSRI) bagi Pulau Pinang pada tahun 2011.

Walau bagaimanapun, hanya Fasa 1 dan Fasa 2A yang selesai. Memandangkan KATS telah mengambil alih dari KeTTHA, KATS telah bersetuju untuk melancarkan Fasa 2A dan melaksanakan Fasa 2B untuk “menyelesaikan MDEP”, seperti yang dipersetujui ketika mesyuarat kami pada 4/9/2018.

Semasa musim tengkujuh, kami memerlukan Rumah Pam Mak Sulong Fasa 2A untuk mengepam air mentah dari Sungai Kulim untuk mengisi empangan. Ketika musim kemarau, kita memerlukan saluran paip Fasa 2B untuk membekalkan sehingga 600 MLD air mentah ke LRA Sungai Dua.

BANTUAN DARI KATS UNTUK MELAKSANAKAN 10 SYARAT

Terdahulu pada 7/8/2018, YB Dr. Xavier juga bersetuju untuk membuat susulan mengenai 10 syarat berikut, seperti yang dipersetujui oleh KeTTHA sebelum ini pada 2/4/2018:

1. KATS akan memperuntukkan RM100 juta untuk membina amfang jajar baru di Rantau Panjang, Seberang Prai Utara.
2. KATS akan memperuntukkan RM80 juta untuk membina Stesen Pam Lahar Yooi 440 MLD di bawah “*Rolling Plan 4*” (Fasa 2C).
3. KATS akan menyiapkan saluran paip air mentah bernilai RM100 juta dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua (Fasa 2B) menjelang Mac 2020. Saluran paip ini sepanjang 6.85 km, dengan diameter 1.6 meter.
4. KATS akan menanggung kos mengepam air mentah di Rumah Pam Mak Sulong untuk mengisi Empangan Mengkuang.
5. KATS akan bertanggungjawab ke atas integriti struktur Empangan Mengkuang yang diperluas sehingga ia diisi dan diuji pada tahap maksimum 55 meter. KATS akan menanggung segala kos melantik seorang kontraktor yang kompeten untuk membetulkan kecacatan,

jika ada kecacatan dikesan.

6. KATS akan menyerahkan tapak projek Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan itu dan Rumah Pam Mak Sulong kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
7. KATS akan menyelaraskan, memudahcarakan dan memeterai perbincangan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perak mengenai cadangan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), yang dipersetujui pada 25/3/2015 dan 13/1/2017.
8. KATS akan memperbaiki 23 lokasi tanah runtuh di tapak empangan. Tanah runtuh berlaku ketika cuaca buruk pada September - November 2017.
9. KATS akan menjalankan kerja membetulkan penutup rumput di bahu empangan.
10. KATS akan menjalankan percubaan selama 30 hari di Rumah Pam Mak Sulong menjelang Oktober 2018, sebelum ia beroperasi.

RASIONAL PULAU PINANG

Apabila Pulau Pinang menyerahkan Empangan Mengkuang kepada KeTTHA sebelum itu untuk bermulanya MDEP pada tahun 2011, ia berada dalam keadaan baik. Kini, kapasiti maksimum empangan itu telah ditingkatkan daripada 22 bilion liter kepada 73.5 bilion liter, ia perlu diserahkan kembali kepada Pulau Pinang dalam keadaan yang lebih baik.

Mempunyai Empangan Mengkuang yang lebih besar tidak mencukupi. Kami memerlukan Rumah Pam Mak Sulong untuk membantu mengisi empangan ketika musim tengkujuh. Kami memerlukan saluran paip baru sepanjang 6.85km untuk menyalurkan sehingga 600 MLD air mentah dari empangan ke LRA Sungai Dua ketika musim kemarau.

Pulau Pinang memerlukan MDEP berfungsi sepenuhnya dan selamat untuk memenuhi semua keperluan bekalan air rakyatnya selepas tahun 2020. Pada masa yang sama, kami berharap untuk membuka semula kawasan rekreasi yang hijau, selamat dan mesra rakyat di Seberang Prai.

Terima kasih.